

5 MAR 1996

SONY AKAN ADAKAN FORUM PEMEROLEHAN DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Sony Corporation, kumpulan elektronik dan hiburan sedunia, berharap memperolehi banyak lagi alat dari Malaysia dan akan mengadakan satu forum di sini pada 21 dan 22 Mac bagi tujuan itu.

Dikenali sebagai "Forum Perniagaan Bahan Sedunia Sony", ia akan dianjurkan dengan kerja sama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan bertujuan menggalakkan lagi pemerolehan alat-alat tempatan dan memajukan industri-industri sokongan.

Sony TV Industries (M) Sdn Bhd berkata di dalam satu kenyataan bahawa upacara pembukaan forum dua hari ini akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Sony Corporation Norio Ohga, dan para eksekutif kanan Sony yagn lain juga akan hadir.

Syarikat itu berkata forum itu adalah untuk mengujudkan satu landasan bagi Sony dan pembekal-pembekalnya mengadakan perbincangan perniagaan.

Sony berharap menemui pengeluar-pengeluar alat Malaysia yang boleh membekal lima kilangnya di negara ini dan kemungkinan membekalkan alat-alat bagi 70 kilang Sony yang lain di seluruh dunia.

Sony Corporation mempunyai jualan seluruh dunia lebih daripada AS\$39 bilion dan kini mempunyai lima kemudahan pengeluaran di Malaysia. --

BERNAMA

YY OS